



INSURANS PELANCONGAN

# Jangan Ambil Mudah!

MELANCONG MEMANG MENYERONOKKAN. NAMUN DALAM KETERUJAAAN MEMBUAT PELBAGAI PERSIAPAN, ADA PERKARA PENTING YANG SERING DIPANDANG SAMBIL LEWA, IAITU MEMBELI POLISI INSURANS PELANCONGAN. RAMAI YANG MEMBERIKAN PELBAGAI ALASAN. ADA YANG ANGGAP IA HANYA MEMBAZIR, SEDANGKAN BELUM TENTU BERLAKU PERKARA YANG TIDAK DIINGINI. ADA YANG KATA, "JIKA BAYAR SAHAJA, TETAPI TIDAK ADA APA YANG BERLAKU TENTU RUGI." ADA JUGA YANG TERLALU PASRAH, "PERBANYAKKAN BERDOA AGAR PERJALANAN DAN URUSAN PERGI SERTA KEMBALI DIPERMUDAHKAN." MALAH BANYAK LAGI ALASAN LAIN YANG DIBERIKAN.

**S**emua alasan itu betul dan tiada siapa pun mahukan perkara yang tidak diinginkan berlaku. Namun, Ada kalanya perjalanan tidak sesempurna seperti dirancang. Kebarangkalian berlaku di luar jangkaan juga tidak mustahil. Jadi, 'Sediakan payung sebelum hujan'. Oleh itu sebelum ke luar negara sama ada untuk bercuti, urusan perniagaan atau apa sahaja tujuan, kita harus mengambil kira beberapa aspek dan kemungkinan yang dihadapi sewaktu berada di sana. Sama ada masalah penerbangan, kelewatan perjalanan, pemendekan perjalanan, kemalangan, sakit sehingga memerlukan rawatan di hospital, kematian, kelewatan beg, bencana alam, kehilangan wang atau dokumen dan sebagainya.

Semua itu memerlukan kos yang mahal. Lebih-lebih lagi jika negara

yang mata wangnya lebih tinggi dari Malaysia. Sebagai contoh, jika sakit dan memerlukan rawatan di hospital atau pembedahan. Atau sekiranya berlaku kematian, perkara pertama yang ditanya, "Adakah mangsa mempunyai insurans?" Jika memiliki polisi insurans, segala urusan yang berkaitan akan diuruskan oleh syarikat insurans berkenaan. Tetapi sekiranya tidak ada, masalah mungkin akan timbul dan kita tidak akan dilayan untuk mendapatkan rawatan atau dalam bahasa lain, 'no insurance no talk'.

Sebelum berbicara dengan lebih lanjut tentang hal ini, kita teliti dahulu apakah yang dimaksudkan dengan insurans perjalanan? Menurut info insurans, insurans perjalanan adalah apabila pengguna membeli insurans untuk melindungi diri dan

atau keluarga terhadap kemalangan, kerugian serta gangguan semasa perjalanan. Ia lazimnya terhad kepada tempoh perjalanan anda. Pun begitu, sesetengah syarikat insurans menawarkan kombinasi beberapa perlindungan yang dapat memenuhi keperluan tertentu, termasuk polisi tahunan jangka panjang untuk mereka yang sering melancong.

Dalam insurans perjalanan ini terdapat skop perlindungan yang manfaatnya berbeza-beza di kalangan syarikat insurans. Sebagai pengguna kita hendaklah memilih terlebih dahulu untuk memastikan polisi yang dibeli itu yang terbaik dan memenuhi keperluan. Perlindungan yang lazimnya disediakan adalah meliputi kemalangan, perbelanjaan perubatan dan yang berkaitan dengannya, kehilangan

deposit pakej perjalanan atau pemendakan pemergian, kehilangan bagasi, barang-barang kepunyaan peribadi dan wang, kehilangan pasport, liabiliti diri, kelewatan bagasi, kelewatan perjalanan, pampasan kenderaan dan penghantaran pulang jenazah.



Pastikan polisi yang dipilih terbaik untuk keperluan anda.





## PILIH POLISI YANG SESUAI

Sementara itu, Alwi Adam pula menyarankan, sebelum mengambil sebarang skim perlindungan perjalanan, pengguna harus memastikan jenis skim perlindungan diri yang mereka ada sekarang. Ini kerana mungkin skim perlindungan diri yang diambil sebelumnya telah merangkumi pelbagai aspek, termasuk kos kehilangan barang ketika melancong, penghospitalan ketika di luar negara, kematian dan lain-lain.

Katanya, "Sebagai pengguna, pastikan jenis skim yang anda miliki sekarang. Ini kerana skim terbahagi kepada beberapa jenis. Seperti, perlindungan disebabkan kematian, cacat kekal, sakit kritikal dan takaful perubatan. Pastikan anda memiliki skim perubatan atau kad perubatan (medical card) yang mempunyai perlindungan perubatan jika berada di luar negara." Biasanya pengguna perlu membayar terlebih dahulu, kemudian membuat tuntutan dengan

pihak insurans. Ada juga polisi perubatan yang hanya melindungi kos perjalanan membawa balik sahaja iaitu repatriation. Oleh itu teliti kembali polisi masing masing atau bertanya penasihat kewangan anda."

Bagaimana pula dengan mereka yang tidak mempunyai skim perlindungan diri ataupun polisi yang diambil terlalu rendah, seperti yang melibatkan kos hospital di Malaysia sahaja?


Ujar Alwi, "Di sinilah pentingnya mengambil skim perlindungan perjalanan. Tetapi sebagai pengguna, mereka harus bijak menilai sesuatu polisi yang ditawarkan. Jangan termakan dengan pujukan 'jurujual' insurans sedangkan ia merugikan kita. Oleh itu pengguna harus tahu apakah keperluan dan kepentingan

yang dirasakan perlu apabila melancong, terutama di luar negara."


"Sebagai panduan, ada sesetengah pengguna mahu semasa melancong, dia dan keluarganya dilindungi insurans seperti kematian secara semula jadi, kematian kerana kemalangan, kematian kerana sakit, hilang barang atau kelewatan penerbangan yang menyebabkan berlaku kerugian kepada mereka."

"Mungkin juga mereka berasakan penting untuk dilindungi sekiranya berlaku kehilangan bagasi, kos perubatan sekiranya memerlukan rawatan di hospital dan lain-lain. Selepas itu barulah mencari polisi yang bersesuaian dengan keperluan anda," katanya lagi.

Tambah Alwi, terdapat juga pengguna yang berasakan perlu



Alwi Adam



mendapatkan pampasan yang maksimum, selain daripada tuntutan-tuntutan yang di atas, kerana berasakan ia perlu dan setara dengan kehidupan mereka. Contohnya, berlaku kecacatan akibat kemalangan di luar negara hingga menyebabkan mereka hilang punca pendapatan, jadi pampasan yang optimum itu diperlukan sesuai mengikut keperluan seseorang.

Dia turut menceritakan tentang panduan ini agar pengguna dapat meminimumkan bayaran polisi untuk skim perjalanan ini, tetapi masih dapat perlindungan yang maksimum.

Tambah perunding kewangan ini, "Bagi mereka yang gemar melakukan aktiviti lasak, sama ada dalam dan luar negara, dinasihatkan agar mengambil insurans khusus untuk aktiviti tersebut, kerana insurans perjalanan adalah perkara yang berbeza. Contohnya, insurans untuk aktiviti mendaki gunung, berbasikal ekstrem, aktiviti air dan lain-lain."

"Oleh itu dalam pembelian skim perlindungan perjalanan ini ada had umur yang ditentukan oleh syarikat insurans. Mereka yang melebihi had umur yang ditetapkan tidak boleh membeli skim berkenaan. Namun, walau apa pun produk yang ditawarkan, pengguna harus bijak menilai keperluan membeli skim perlindungan perjalanan, kemudian cari polisi yang bersesuaian dan barulah membelinya. Usah terburu-buru dengan harga dan polisi yang ditawarkan."

### Beberapa perkara penting yang perlu diambil perhatian apabila membeli insurans perjalanan, seperti;

#### ○ Barang-barang kepunyaan peribadi.

Semak terlebih dengan syarikat insurans anda, sama ada insurans perjalanan tersebut melindungi barang-barang peribadi kerana perlindungan yang diberikan berbeza di kalangan syarikat insurans.

#### ○ Benefisiari.

Anda dinasihatkan agar melantik pewaris (benefisiari). Pastikan pewaris itu mengetahui tentang polisi insurans perjalanan yang anda beli.

#### ○ Insurans berganda.

Sekiranya anda telah membeli lebih daripada satu polisi insurans perjalanan, kemudian anda meninggal dunia atau hilang upaya, anda atau benefisiari anda (mengikut mana yang berkenaan), akan dibayar pampasan di bawah setiap polisi. Pun begitu, bagi kerugian tertentu seperti perbelanjaan perubatan yang pampasannya berdasarkan pembayaran gantian, anda akan dibayar pampasan sekali sahaja bagi kerugian sebenar yang dialami.

#### ○ Maklumkan kepada pihak berkuasa.

Sekiranya barang kepunyaan anda yang diinsuranskan hilang atau rosak, anda hendaklah mengambil tindakan yang munasabah untuk melindungi, menyelamatkan dan memperolehinya semula dengan segera memberitahu pihak polis tempatan, hotel, syarikat pengangkutan yang berkaitan dan pihak berkuasa terminal pengangkutan yang berkaitan.

#### ○ Laporkan secepat mungkin.

Apabila berlaku kerugian, anda hendaklah melaporkan kepada syarikat insurans secepat mungkin untuk membuat tuntutan dengan mengemukakan borang tuntutan bersama dokumen sokongan seperti polisi asal, laporan perubatan, laporan polis dan apa-apa dokumen yang relevan untuk menyokong tuntutan. Anda juga hendaklah merujuk kepada tempoh pemberitahuan tuntutan seperti yang ditetapkan di dalam polisi anda.